

# Patuhi peraturan ambil tanah

ALOR STAR, Khamis – Kerajaan Pusat akan menyokong sebarang pelaksanaan projek usaha kerajaan negeri selagi proses pengambilan tanah dilaksanakan mengikut peraturan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan Pusat hanya tidak menyokong apabila kerajaan negeri melaksanakan projek pembangunan membatik pengambilan tanah rakyat tanpa mematuhi peraturan.

Kerajaan Pusat juga, katanya, tidak selalu memberi sokongan kepada kerajaan negeri sebaliknya menasihatkan mereka jangan meneruskan projek yang dirancang jika proses pengambilan

tanah didapati tidak mematuhi peraturan.

“Baru-baru ini ada satu kes yang mana kerajaan negeri mengambil sebidang tanah dan menjual tanah itu kepada pihak ketiga pada harga lebih (tinggi).

“Ini tak kenalah, jadi kita minta kerajaan negeri serah balik (kepada pemilik tanah) dan kerajaan negeri terpaksa berbuat demikian,” katanya kepada pemberita selepas menemui ketua-ketua jabatan di Wisma Darul Aman, di sini hari ini.

Sebelum itu, beliau melancarkan padi baru jenis MR 159 dan MR 167 di Pertubuhan Peladang Kawasan Tenaga Baru H2 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada)

daerah Kubang Pasu, di Kepala Batas, dekat sini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff; Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Timbalan Menteri Pertanian, Dr T Marimuthu dan Ketua Pengarah Mardi, Dr Md Sharif Ahmad.

Mengenai isu projek Kerpan, Perdana Menteri berkata, pemilik tanah di situ sepatutnya menerima projek berkenaan berasaskan penerangan kerajaan negeri kerana penjelasan yang diberi adalah mencukupi.

Bagaimanapun, katanya, mereka awal-awal lagi membuat keputusan tidak mahu menerima projek itu walaupun selepas diberi pel-

bagai penerangan.

“Janganlah ugut kerajaan dekat pilihan raya ini. Sekarang semua nampak yang itu (pilihan raya) saja,” katanya.

Berhubung hasrat Jawatankuasa Bertindak Membantah Projek Undang Harimau di Kerpan untuk menemui beliau bagi memberi pandangan mengenai projek itu, Dr Mahathir berkata:

“Kalau dia nak jumpa sepatutnya awal-awal lagi dia tumpukan kepada nak berjumpa. Kita boleh nyatakan pendirian kita... penentangan kita, tapi jangan guna kekerasan.

“Jangan kita paksa orang dan dalam pada itu juga, kita harus ingat kepentingan umum, ja-

ngan fikir kepentingan sendiri saja.”

Menurut Dr Mahathir, petani terbabit sepatutnya mengelak daripada menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan pertelingkahan kerana negara mempunyai mahkamah dan cara tertentu untuk menyelesaikan pertikaian.

“Kalau kita cuba menggunakan kekerasan, orang lain pula akan menggunakan kekerasan terhadap kita. Jadi rugilah kita,” katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, penduduk boleh mengutuskan surat kepadanya bagi menyatakan rasa tidak puas hati berhubung pelaksanaan projek berkenaan jika masih mahu mengetahui pendirian kerajaan.